

KONSEP SINONIM DALAM TEKS TERJEMAHAN NOVEL “THE PEARL” KE DALAM BAHASA MELAYU OLEH ABDULLAH HUSSAIN (THE CONCEPT OF EQUIVALENCE IN THE TRANSLATION OF THE PEARL BY ABDULLAH HUSSAIN FROM ENGLISH INTO MALAY)

NURULHAYATI ZULFADINAMIS* DAN CHE IBRAHIM SALLEH

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43300 Serdang, Selangor.

*Corresponding author: nurulhayatizulfadinamis@rocketmail.com

Abstrak: Konsep sinonim dalam bidang penterjemahan memerlukan penelitian mendalam dari segi penggunaan setiap kata yang membawa makna yang sama. Akan tetapi, penggunaan setiap kata itu dinilai berdasarkan konteks dan situasi serta pengalaman dan kebudayaan yang dimiliki oleh pengarang, penterjemah, atau golongan sasaran penutur natif bahasa sumber. Oleh itu, kajian ini akan mengenal pasti terjemahan teks *The Pearl* ke dalam bahasa Melayu berasaskan padanan kata, dan menganalisisnya secara semantik dengan menggunakan kaedah analisis teks. Bagi teks terjemahan “*The Pearl*” oleh Abdullah Hussain, bahasa sasaran ialah bahasa Melayu yang berasaskan karya asal karangan John Steinbeck dalam bahasa Inggeris. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa konsep sinonim yang dikenal pasti dalam teks terjemahan tersebut, iaitu sinonim dalam struktur kata, konteks pentafsiran ayat, kaedah penterjemahan, dan kebudayaan bahasa sasaran.

Kata kunci: Sinonim, bahasa sumber, bahasa sasaran, struktur kata, konteks pentafsiran ayat.

Abstract: The concept of equivalence in the field of translation requires in-depth analysis pertaining to the use of words with similar or same meaning. However, the usage of the respective words is evaluated based on the context and situation, as well as the cultural awareness of the author, translator or the target native speaker of the source language. In this light, this study aimed to examine the translation of *The Pearl* from English into Malay language based on the comparison of the source and target words and to carry out a semantic analysis of the translated text. The Malay translation of *The Pearl* by Abdullah Hussain is based on the original English novel written by John Steinbeck. Findings from the study revealed different occurrences of equivalence in the translated text, namely word and sentence level, translation approach, and equivalence acceptance in the receiving culture.

Keywords: Synonym, language resource, target language, word structure, sentence interpretation context.

Pengenalan

Bahasa merupakan sistem komunikasi yang penting bagi manusia sama ada dalam bentuk penulisan mahupun lisan. Bahasa juga digunakan sebagai alat yang paling ampuh untuk berhubung dengan masyarakat. Sebagai suatu unsur yang unik dan dinamik, bahasa sentiasa dianalisis dan didekati dengan mengaplikasikan pelbagai pendekatan sebagai teori untuk memudahkan sesuatu kajian bahasa itu dijalankan. Antara pendekatan yang digunakan dalam kajian bahasa ialah pendekatan semantik. Bidang semantik merupakan sebahagian daripada ilmu linguistik. Bidang ini sama pentingnya dengan bidang linguistik yang lain seperti, fonologi, morfologi dan sintaksis memandangkan sesuatu

kajian bahasa itu tidak akan sempurna tanpa adanya unsur makna bahasa.

Salah satu konsep dalam teori semantik yang boleh dijadikan panduan dalam bidang terjemahan ialah konsep sinonim. Menurut Abdullah Hassan (2006) tiada perkataan yang hanya mempunyai satu makna sahaja. Misalnya, kata kerusi merujuk kepada pelbagai bentuk dan rupa yang dikenali sebagai kerusi. Hal ini bermakna, kata kerusi bukan merujuk kepada benda yang disebut meja, sebaliknya merujuk kepada satu konsep. Dalam setiap bahasa, terdapat perkataan yang mempunyai makna rujukan yang sama. Sebagai contoh, tingkap dan jendela mempunyai makna rujukan yang sama, yang dikenali dengan nama kata seerti atau sinonim.

Konsep Sinonim

Takrif bagi sinonim secara etimologi kata berasal daripada bahasa Yunani kuno, iaitu “*onoma*” yang bermaksud ‘nama’ dan “*syn*” yang bermaksud ‘nama lain untuk benda atau hal yang sama’. Secara semantik, Verhaar (1978) mendefinisikan sinonim sebagai ungkapan (boleh berupa kata, frasa atau ayat) yang maknanya kurang lebih sama dengan ungkapan lain. Asmah (1978) pula mendefinisikan sinonim sebagai kata “*seerti*” atau “*semakna*”, dilihat *secara am*.” Sinonim biasanya terdiri daripada perkataan yang dipinjam dengan perkataan asli bahasa itu, atau juga kedua-duanya merupakan kata pinjaman. Contohnya, pasangan kereta dan motokar seakan-akan sama erti.

Walau bagaimanapun, kata majmuk kereta lembu yang sudah sedia wujud penggunaannya dalam bahasa Melayu (BM) tidak sewajarnya diganti dengan motokar lembu. Fungsi dan peranan frasa kereta lembu dalam BM mempunyai *high value* disebabkan kata “kereta” yang sudah lama dipinjam ke dalam BM berbanding dengan penggunaan kata motokar yang dipinjam langsung daripada bahasa Inggeris (BI), iaitu *motorcar*:

Penyelidik bahasa perlu melihat penggunaan anggota dalam sinonim itu dengan lebih teliti dari segi penggunaan setiap kata tersebut. Sebagai contoh, penggunaan “ibu” tidak seratus peratus sama dengan “emak”. Hal ini kerana perkataan “ibu” bukan sahaja digunakan terhadap manusia bahkan perkataan tersebut lazim digunakan kepada makhluk lain, seperti haiwan dan juga benda. Berbeza dengan “emak” yang penggunaan kata itu hanya diterapkan kepada manusia sahaja.

ibu kambing	seekor kambing betina yang memiliki anak
ibu roti	sejenis yis yang menjadikan doh roti naik, kembang dan gebu.
ibu negeri	tempat yang menjadi pusat pentadbiran dalam sesebuah negeri.

Di Sebalik Novel “The Pearl”

The Pearl karya John Steinbeck merupakan sebuah novel yang telah dihasilkan pada 1947, iaitu semasa Perang Dunia Kedua. John Ernst Steinbeck yang dilahirkan pada 27 Februari 1902 di Salinas, California, merupakan seorang novelis terkenal Amerika pada abad ke-20. Beliau pernah dianugerahi Hadiah Nobel untuk sastera pada 1962. Steinbeck merupakan penulis aliran Naturalis atau gaya realis. Beliau sering menulis tentang kemiskinan, iaitu golongan orang kelas bawahan yang bekerja dengan golongan kapitalis. Dalam erti kata lain, beliau menulis bertujuan untuk membela nasib golongan miskin yang ditindas oleh golongan kelas atasan. Ini dapat dilihat dalam salah satu karyanya, iaitu *The Grapes of Wrath* yang telah tercatat sebagai antara novel Inggeris terbaik abad ke-20 yang dipilih oleh dewan redaksi American Modern Library pada 2001.

Novel “*The Pearl*” mengisahkan Kino, seorang penyelam mutiara India yang hidup aman damai bersama Juana, isterinya dan bayi mereka, Coyotito. Kehidupan mereka sangat bahagia walaupun hidup dalam kesederhanaan. Bab pertama menceritakan kehidupan mereka yang aman damai berubah serta merta setelah Coyotito disengat kala jengking. Juana mendesak Kino membawa bayi mereka berjumpa doktor di bandar. Malangnya, doktor menolak untuk merawat Coyotito yang masih bayi, kerana Kino tidak mempunyai wang untuk membayar kos perubatannya.

Kino mula bekerja mengumpul tiram bersama-sama Coyotito yang dikendong Juana. Setelah mengumpulkan beberapa tiram kecil, dia ternampak seekor tiram raksasa yang memiliki mutiara di dalamnya. Kino berjaya mengambil mutiara yang ada di dalam tiram raksasa itu. Dia merasakan dirinya sudah mendapat kebahagiaan semula dengan kejayaannya menemukan mutiara itu. Berita tentang penemuan mutiara itu tersebar dengan cepat sehingga ke bandar. Setiap orang iri hati dengannya sehinggakan ada antara mereka memikirkan cara untuk mendapatkan mutiara milik Kino itu. Sejak hari itu, bermulalah tempoh penderitaan

buat Kino sekeluarga. Pada awalnya, mereka diserang seorang pemuda yang menceroboh rumah mereka pada waktu malam hanya untuk mendapatkan mutiara itu. Juana sempat merayu Kino agar membuang sahaja mutiara itu kerana takut kejadian yang sama berulang lagi.

Hari berikutnya, Kino pergi ke bandar untuk menjual mutiara itu. Para peniaga di sana bersepakat mengatakan bahawa mutiaranya itu tidak berharga dan menawarkan dirinya dengan harga yang sangat rendah. Kino menolak untuk menjual mutiara tersebut dan membawanya ke ibu kota kerana yakin di sana dia akan mendapat harga yang lebih tinggi. Malangnya malam itu, Kino diserang lagi di gubuknya. Tetapi kali ini Kino telah menyembunyikan mutiara itu di satu tempat terlebih dahulu. Namun begitu, Juana pula yang menimbulkan masalah. Kino menggali mutiara yang disembunyikan dan membawanya ke pantai untuk dilemparkan kembali ke laut. Dia menghentikan tindakan isterinya itu. Kino begitu marah sampai sanggup menolak Juana sehingga jatuh. Jelas, mutiara itu telah merubah Kino.

Dalam perjalanan kembali ke gubuknya Kino diserang lagi. Kali ini, dia menikam mati penyerangnya. Mahu tidak mahu, Kino dan Juana terpaksa melarikan diri dari bandar La Paz. Sebelum sempat berangkat, mereka menemukan perahu mereka telah dihancurkan dan pondok mereka telah dibakar. Kini, Kino berasa seperti seekor binatang yang diburu, tetapi dia masih tetap berdegil dan tidak mahu berpisah dengan mutiara itu. Mereka bertiga melalui kawasan padang pasir yang kering serta diekori oleh para pemburu yang inginkan mutiara itu. Ketika mereka sampai ke puncak pergunungan, Kino menyembunyikan Juana dan Coyotito dalam sebuah gua. Kemudian, dia menikam dan membunuh sebahagian pemburu itu. Ketika sebahagian lagi cuba untuk melarikan diri, Kino menembak ke arah mereka. Salah satu peluru daripada senapangnya masuk ke dalam gua dan membunuh Coyotito.

Juana dan Kino kembali ke kampung mereka untuk menanam jasad Coyotito. Bagi mereka, mutiara itu tidak lagi mempunyai

nilai kerana telah melenyapkan impian dan kebahagiaan mereka. Akhirnya, mereka berjalan ke pantai dan melemparkan kembali mutiara itu ke dasar laut. Mereka membisu memperhatikan mutiara itu tenggelam ke perairan gelap.

Penterjemahan

Berdasarkan penulisan oleh Kassim (1991) dan Muhammad Mansor (1991), susur galur penterjemahan pada zaman pramoden bermula dengan cerita saduran dari India dan semenanjung Arab serta terjemahan kitab agama. Cerita saduran dan terjemahan kitab agama merupakan ciri penting hasil terjemahan pada zaman ini. Antara hasil yang disadur daripada tamadun India ialah Hikayat Seri Rama, Hikayat Sang Boma dan Hikayat Si Miskin manakala Hikayat Dhu'l Karnain, Hikayat Amir Hamzah dan Hikayat Bayan Budiman pula merupakan saduran daripada tamadun Arab.

Kitab agama seperti Kidayatul Salikin, Balughul Muran, Minhajul Abidin dan Matlaul Bardrain yang diusahakan pada zaman ini merupakan hasil usaha beberapa penulis seperti Hamzah Fansuri, Shamsudin al-Raniri, Sheikh Daud al-Fatani, Sheikh Abdul Samad al-Palembangi dan Sheikh Muhammad Arshad al-Banjari. Sesetengah kitab tersebut masih digunakan sehingga hari ini di Malaysia.

Terdapat pelbagai takrif terjemahan yang diberikan oleh orang yang terlibat dalam hal ini. Menurut Nababan (1999: 20), takrif ini lemah kerana seorang penterjemah tidak akan mungkin dapat menggantikan teks bahasa sumber dengan teks bahasa sasaran. Hal ini kerana struktur kedua-dua bahasa itu berbeda antara satu sama lain. Bahan teks bahasa sumber juga tidak pernah dapat digantikan dengan bahan teks bahasa sasaran, bahkan dalam penterjemahan, ditekankan agar teks bahasa sasaran tetap setia dengan isi teks bahasa sumber.

Akan tetapi dengan pendekatan Strukturalnya, Catford menyedarkan kita bahawa dua bahasa yang terlibat, iaitu bahasa sumber (BS) dan bahasa sasaran (BSS) ini selalu mempunyai hubungan timbal balik walaupun

hubungan itu tidak selalunya harus simetri (kedua-dua belahnya sama, setangkup). Dengan lingkungan budaya, persekitaran dan geografi yang berbeda, sudah tentu kedua-dua bahasa itu mempunyai padanan terjemah, walaupun ada kemungkinan sesetengah perkataan tidak mempunyai padanan terjemah dalam bahasa sasaran. Ini demikian kerana *“Translating consists in reproducing in the receptor language the closest natural equivalent of the source language message, first in terms of meaning and secondly in terms of style”* (Nida and Taber, 1982:12)

Takrif ini menyarankan agar kita mencari padanan terjemah yang se hampir mungkin atau yang paling sejadi dengan teks asal, pertamanya dari segi makna dan keduanya dari segi gaya. Dalam buku ini juga, Nida dan Taber memperkenalkan kepada kita konsep atau cara baharu menterjemah. Misalnya, jika sebelum ini kita digalakkan agar memberikan penekanan kepada bentuk pesan atau mesej, tetapi mengikut cara baharu, kita disarankan agar lebih memberikan tumpuan kepada respons atau tindak balas pembaca sasaran atau penerima mesej.

Hal ini bermakna, terjemahan boleh dikatakan baik sekiranya boleh difahami dengan mudah oleh pembaca sasaran. Makna dan gaya yang terdapat dalam teks sasaran juga hendaklah tidak menyimpang daripada gaya dan makna yang terdapat dalam teks sumber. Oleh sebab itu, Nida mengemukakan konsep *“the closest equivalent of the source language, first in terms of meaning and secondly in terms of style”*. Akan tetapi, perlu diperhatikan agar padanan itu sesuai atau sepadan dengan lenggok atau idiom bahasa sumber. Ini sesuai dengan pernyataan Bell (1991:5) berikut:

“Translation is the expression in another language (or target language) of what has been expressed in another, source language, preserving semantic and stylistic equivalences.”

Mengikut takrif ini, terjemahan ialah mengungkapkan semula semua perkara yang telah diungkapkan dalam BS ke dalam bahasa

BSS dengan memelihara/mengekalkan padanan semantik dan stilistik. Jadi, takrif ini juga menekankan aspek padanan, bukan sahaja dari segi semantik bahkan juga dari segi stilistik atau gaya.

Terdapat juga pendapat yang mengatakan bahawa terjemahan ialah satu proses yang kreatif. Hal ini bermaksud bahawa penterjemah perlu ada kreativiti sendiri apabila menterjemahkan sesebuah teks. Dia bebas mentafsirkan bahasa sumber dan kemudiannya menggunakan daya kreativitinya untuk mencari padanan terjemah yang paling sesuai di antara sekian banyak padanan terjemah yang terdapat dalam BSS itu. Pendapat ini boleh dilihat dalam takrif yang dikemukakan oleh Levy (1967: 31) yang mengatakan bahawa terjemahan ialah:

“... a creative process which always leaves the translator a freedom of choice between several approximately equivalent possibilities of realizing situational meaning.”

Semua takrifan tersebut bersangkut paut dengan terjemahan secara umum. Walau bagaimanapun, takrif juga turut boleh diterima guna untuk terjemahan sastera kerana selain aspek makna, takrif itu turut memberikan penekanan pada aspek gaya (stilistik) dan seperti yang diketahui, aspek bentuk amat penting dalam karya sastera.

Takrif ini mengatakan bahawa terjemahan ialah satu seni yang indah. Terjemahan bermula dengan memindahkan perkataan, makna dan gaya daripada satu bahasa kepada bahasa yang lain, dan penerima atau pembaca teks sasaran pula hendaklah dapat memahami dan menghayati teks itu dengan mudah dan jelas sebagaimana yang dinikmati oleh pembaca teks asal. Jelas, bahawa takrif seperti ini berkait dengan terjemahan sastera. Daripada beberapa takrif yang dikemukakan tadi, dapatlah disimpulkan bahawa terdapat beberapa perkara penting yang perlu diberikan perhatian, iaitu terjemahan melibatkan dua bahasa (BS dan BSS), mesti ada bahan atau teks yang akan diterjemahkan dan yang paling penting ialah padanan terjemah.

Ciri terjemahan termasuklah pengaruh bahasa asing, unsur kebudayaan, kesinoniman kata yang bukan sahaja dinilai dari sudut bahasa sumber mahupun bahasa sasaran merupakan antara elemen yang terkandung dalam teks terjemahan karya sastera. Keterampilan karya sastera sama ada dalam bentuk prosa, misalnya cerpen dan novel yang bermutu tinggi mencetuskan ilham kepada golongan tertentu untuk menghasilkan karya terjemahan ke dalam pelbagai bahasa sasaran di seluruh buana.

Golongan tersebut dianugerahi kebolehan dan pengetahuan berbahasa di samping mampu menguasai dua atau lebih bahasa yang menjadi tanda aras kepada terjemahan karya sastera yang lebih bermutu lagi. Selain itu, penterjemah perlu memahami erti kata yang terdapat dalam konteks petikan, di samping menguasai peribahasa BS dan BSS. Dalam pada itu, penterjemah hendaklah peka terhadap penggunaan tatabahasa, baik dalam bahasa sumber mahupun dalam bahasa sasaran untuk mengelakkan keraguan dalam kalangan pembaca.

Bidang penterjemahan sangat luas, merangkumi aspek kesusasteraan, perundangan, kesihatan, pembangunan industri dan pelbagai lagi bidang yang memiliki aneka macam istilah sebagai pedoman untuk pemahaman masyarakat tentang sesuatu bidang.

Sebagai kesimpulan, bolehlah dikatakan bahawa terjemahan ialah satu proses. Proses tersebut melibatkan pengalihan pesan atau mesej yang terdapat dalam teks sumber, merangkumi makna dan gaya bahasa dengan padanan terjemah yang paling wajar dan sejadi dalam bahasa sasaran.

Objektif

Objektif kajian adalah untuk:

1. mengenal pasti padanan kata yang bersifat sinonim dalam teks terjemahan dan teks sumber.
2. menganalisis padanan kata yang bersifat sinonim secara semantik.

Kaedah

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kepustakaan dan analisis teks. Kaedah penyelidikan kepustakaan dijalankan bertujuan untuk mengumpul bahan berkaitan teks sastera “*The Pearl*” dalam BS dan BSS, di samping membuat rujukan melalui buku, jurnal, tesis, monograf, artikel dan kamus yang menjadi alat bantuan asas bagi tujuan pelaksanaan kajian. Selain itu, kaedah analisis teks pula dijalankan untuk menghuraikan data secara rinci dalam bentuk jadual, carta, rajah, dan sebagainya. Data yang telah dikenal pasti dikelompokkan mengikut petikan yang mengandungi leksikal yang sinonim selain membandingkan teks sumber (Steinbeck) dengan teks terjemahan (Abdullah Hussein). Teori yang digunakan dalam bahagian penganalisan data ialah teori semantik analisis komponen. Teori ini diaplikasikan untuk menghuraikan makna perkataan yang bersesuaian dengan kesinoniman kata. Sebagai contoh, kata *big* dan *large* dalam BI dapat dibezakan berdasarkan cara menjelaskan konteks makna. *Big* sesuai digunakan untuk menggambarkan objek yang besar manakala *large* pula sesuai untuk menghuraikan jumlah yang besar (Parera, 2004:162).

Batasan

Kajian tentang Konsep Sinonim dalam Teks Terjemahan Novel “*The Pearl*” ke dalam Bahasa Melayu oleh Abdullah Hussain dibahagikan kepada beberapa komponen. Antara komponen tersebut termasuklah aspek sinonim, iaitu teknik yang perlu dikuasai oleh penterjemah dalam membuat padanan kata yang sesuai. Selain itu, pengkaji membataskan kajian kepada analisis petikan teks terjemahan dalam perbincangan kajian. Bahkan, pengkaji menjadikan teks sumber dan juga teks terjemahan “*The Pearl*” sebagai bahan utama kajian, di samping memfokuskan kaedah yang digunakan penterjemah berdasarkan karya terjemahan Abdullah Hussein. Antara kaedah tersebut ialah penambahan kata, pengurangan kata, dan sebagainya. Sementara itu, pengkaji juga mengenal pasti teks terjemahan yang

melibatkan unsur kebudayaan, latar belakang serta berdasarkan pengalaman penterjemah dalam BS.

Untuk melaksanakan kajian tersebut, pengkaji telah mengehadkan data daripada beberapa petikan terjemahan teks novel “*The Pearl*” oleh Abdullah Hussein selain menyelidik data yang terdiri daripada padanan kata yang mempunyai makna seerti. Pengkaji turut membandingkan teks sumber dengan teks terjemahan agar pengkaji dapat mengetahui sejauh mana keberkesanan penterjemah dalam memilih kata yang sesuai dengan konteks dan situasi ayat.

Sorotan Literatur

Kajian tentang penterjemahan di Malaysia pernah dijalankan pada 2007 oleh Kanchana Devi Sibeperegasam. Penyelidikan beliau yang bertajuk “Penterjemahan Perkataan Taksa: Satu Analisis berdasarkan Novel *Harry Potter and The Chamber of Secrets* oleh J. K. Rowling dan Hasil Terjemahannya *Harry Potter dan Bilik Rahsia*” bertujuan untuk mengkaji pendekatan Pragmatik Baker (1992) dalam penterjemahan keaburan kata daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu. Persoalan timbul kerana bahasa Melayu sebagai bahasa sasaran memiliki sistem bahasa yang lain. Hal ini membawa kepada persoalan kajian, iaitu mengkaji cara pendekatan Pragmatik Baker dalam menyelesaikan situasi ‘lebih terjemah’ atau ‘kurang terjemah’ dalam penterjemahan. Oleh sebab pendekatan Pragmatik bercirikan konteks (linguistik/bukan linguistik), maka analisis teks/wacana dijadikan kajian sokon

Beliau menggunakan dua kaedah pendekatan Baker, iaitu kaedah tersurat dan kaedah tersirat. Kajian ini dijalankan terhadap dua set data yang terdiri daripada data A, *Harry Potter and the Chamber of Secrets* dan data B, ‘*Harry Potter dan Bilik Rahsia*’. Data A digunakan untuk mengutip perkataan yang menyumbang kepada ketaksaan dan pengkaji tesis akan menterjemah perkataan tersebut dengan menggunakan pendekatan Pragmatik Baker. Data B berfungsi sebagai alat perbandingan dan pengukur bagi data A.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat penggunaan kaedah tersirat apabila wujudnya konteks bagi maksud yang ingin disampaikan, manakala kaedah tersurat ditemukan apabila konteks yang ada tidak memadai dalam menyampaikan maksud sesuatu perkataan kabur itu. Kesepadanan pragmatik yang dihasilkan menunjukkan keadaan ‘lebih terjemah’ atau ‘kurang terjemah’ dari segi sesuatu perkataan yang kabur atau kurang jelas maknanya.

Seterusnya, kajian berkaitan tentang kebolehterjemah aspek budaya bahasa Mandarin (BMn) kepada bahasa Melayu (BM) dijalankan oleh Goh Sang Seong (2007), dengan tajuk tesis beliau, iaitu “Kebolehterjemah Aspek-aspek Budaya dalam Terjemahan ‘*Shui Hu Zhuan*’”. Beliau mengenal pasti seratus butiran (kata, frasa, klausa dan ayat) pelbagai aspek budaya dalam 水湖传 *Shui Hu Zhuan* atau terjemahannya *Hikayat Pinggir Air*; terjemahan Lim Chuan Boon, ed. (2001) telah dijadikan data kajian. Tujuannya adalah untuk meneliti kebolehterjemahan aspek budaya, meneliti strategi penterjemahannya serta membandingkan kebolehterjemahan daripada tiga sudut: pengkaji, penilai kedua dan penterjemah. Kajian ini memanfaatkan satu himpunan teori secara komposit. Teori berkenaan telah dikenal pasti secara eklektik daripada teori penterjemahan, teori semantik dan teori sosiolinguistik. Kajian ini ialah kajian kualitatif yang menggunakan kaedah perbandingan, menganalisis butiran budaya berdasarkan teori penterjemahan, teori semantik dan teori sosiolinguistik. Perbandingan juga dilakukan untuk meneliti strategi penterjemahan serta pandangan kebolehterjemahan tiga penjurur dalam perangkaan mudah: iaitu antara pengkaji, penilai kedua dan penterjemah. Dalam pada itu, beliau mendapati bahawa tidak ada mana-mana subkategori budaya BMn yang mencuat dan lebih bersifat boleh terjemah dalam BM. Aspek budaya dalam terjemahan BMn-BM adalah lebih cenderung bersifat tidak boleh terjemah disebabkan ketidakwujudan bentuk atau fungsi aspek budaya BMn dalam latar sosiolinguistik BM.

Oleh itu, keadaan ini telah menghasilkan pelbagai peringkat terjemahan seperti terjemahan lebih, terjemahan kurang, terjemahan salah dan terjemahan kosong. Aspek budaya BMn yang wujud dalam latar sosiolinguistik BM atau yang mempunyai kepadanan sinonim dalam BM pula cenderung bersifat boleh terjemah. Beliau juga mendapati bahawa tiada mana-mana satu strategi penterjemahan yang boleh dikatakan lebih sesuai untuk menangani masalah kebolehterjemahan. Sebaliknya, bentuk dan fungsi aspek budaya BMn yang tidak wujud dalam latar sosiolinguistik BM cenderung diterjemahkan melalui strategi deskriptif, strategi padanan fungsian, strategi pinjam-terjemah, tambahan kata, kata pinjaman, transliterasi, tambahan nota kaki dan mana-mana gabungan dua (kuplet) atau tiga (triplet) strategi ini serentak.

Selain mempunyai impak tertentu terhadap beberapa teori penterjemahan, kajian ini turut mendapati bahawa penterjemahan aspek budaya sebenarnya bersifat dwimatra dan bukannya hanya bersifat aktiviti linear. Pada amnya, penterjemahan aspek budaya memerlukan penggunaan cantuman beberapa teori penterjemahan yang berkaitan dengan pemindahan maklumat, serta analisis semantik dan sosiolinguistik.

Dapatan Kajian

Tinjauan pengkaji dalam proses penterjemahan karya “*The Pearl*” kepada BM ini berkisar kepada komponen sinonim dalam struktur kata, komponen sinonim dalam konteks pentafsiran ayat, komponen sinonim dalam kaedah penterjemahan dan komponen sinonim dalam kebudayaan bahasa terjemahan. Karya “*The Pearl*” pernah diterjemahkan kepada beberapa buah bahasa termasuklah bahasa Melayu oleh Abdullah Hussain.

Komponen Sinonim dalam Struktur Kata

Perbezaan karya *The Pearl* dari bahasa sumber (BI) dengan bahasa sasaran dalam BM dilihat dari segi leksikal. Dalam memilih istilah kata yang sesuai dengan pengertian ayat, versi

terjemahan BM menunjukkan kebebasan meminjam istilah-istilah asing daripada karya asal *The Pearl*. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa cara pinjaman istilah itu dibuat dalam terjemahan tersebut. Antara contohnya:

Jadual 1

BS	Terjemahan BM
a. <i>Chord</i> (p. 6)	Suara (m/s 4)
b. <i>Variety</i> (p. 6)	Selang seli (m/s 4)
c. <i>Financial</i> (p. 14)	Kewangan (m/s 11)
d. <i>Mystery</i> (p. 32)	Teka teki (m/s 28)
e. <i>Terror</i> (p. 15)	Ketakutan (m/s 13)

Komponen Sinonim dalam Konteks Pentafsiran Ayat

Seterusnya, pengkaji telah mengenal pasti beberapa petikan yang mengandungi pelbagai makna sekiranya padanan kata (sinonim) tidak sesuai berdasarkan konteks dan situasi teks sumber. Terdapat beberapa teks yang dipetik daripada karya ini menimbulkan tafsiran berlainan setelah diterjemahkan ke BM. Antara teks petikan daripada karya asal:

“*Because they were happy and excited they thought everyone should share their joy*” (p. 35).

“Kerana mereka gembira dan teruja, mereka mengira bahawa sekalian orang ikut serta merasakan kegembiraannya” (m/s 31)

Contoh 1

Padanan kata sama ada sesuai atau tidak mengikut konteks ayat akan mempengaruhi erti dan gambaran sebenar yang dimaksudkan pengarang asal. Dalam bahagian ini, dapatan data, iaitu “*frantically*”, “*hot*”, “*destroy*”, dan “*greedy*” dikenal pasti dalam jadual di bawah:

Jadual 2

BS	Terjemahan BM
a) “... a dusty ant <u>frantically</u> tried to escape the sand trap...” (p. 5)	a) “... seekor semut abu-abu berusaha dengan <u>kebingungan</u> merayap keluar lubang pasir itu...” (m/s 4)

b) “Kino squatted by the firepit and rolled a <u>hot</u> corncake...” (p. 9)	b) “Kino mencangkung dekat tungku, digulungnya sekeping kuih jagung yang <u>panas</u> .” (m/s 5)
c) “It will <u>destroy</u> us all, “Juana cried” (p. 55)	c) “Ia akan <u>memusnahkan</u> kita semua, “seru Juana” (m/s 52)
d) “ <u>Greedy</u> fingers went through his clothes” (p. 80)	d) “Jari-jari yang <u>rakus</u> meraba-raba pakaiannya” (m/s 81)

Penterjemah BM menterjemahkan karya “The Pearl” tanpa menyimpang terlalu jauh daripada karya asal. Sebagai contoh, dalam petikan ayat:

“They know his clumsy abortions...” (p. 15)

Terjemahan BM mengubah konsep sinonim biasa kepada gaya bahasa yang berlainan mengikut konteks, iaitu:

“Mereka tahu akan kegagalan-kegagalannya yang canggung itu...” (m/s 12) Contoh 2

Dalam konteks sintaksis, terjemahan ke dalam bahasa Melayu tepat tafsirannya. Contoh hasil terjemahan adalah seperti dalam jadual di bawah:

“And at the moment the laughing Coyotito shook the rope and the scorpion fell.” (p. 10)

“Dan pada saat itu Coyotito yang sedang ketawa telah menggoncangkan tali gantungan itu, dan kala itu terjatuh.”(m/s 7)

Contoh 3

Komponen Sinonim dalam Kaedah Penterjemahan

Dalam pada itu, kebanyakan penterjemah menterjemahkan secara literal istilah BI. Walaupun teknik ini boleh digunakan, akan tetapi dikhuatiri terjemahan yang dibuat tidak memenuhi konteks dan budaya masyarakat sasaran. Konsep sinonim terdapat dalam contoh

berikut:

“The water was oily smooth.” (p. 24)
 “Air laut agak tenang seperti minyak.”
 Contoh 4

Seterusnya, pengkaji mengenal pasti beberapa petikan yang mengandungi kaedah terjemahan langsung.

“The great knife swung and crunched hollowly.” (p. 118)

“Goloknya diayun dan mengerkah relung.” (m/s 99)

Contoh 5

Jadual 3

BS	Terjemahan BM
a) “She brought him pulque to drink in a little pitcher and still he shook his head to <u>clear out the darkness</u> .” (p. 77)	“Dibawakannya pulque dalam kendi kecil untuk diminumkannya, dan Kino masih terus menggeleng-gelengkan kepalanya untuk <u>menghilangkan kegelapan</u> .” (m/s76)
b) And then Kino raised his hand and <u>touched</u> Juana’s cheek, and she held her breath.”(p. 113)	“Kemudian diangkatnya tangannya lalu <u>dipegangnya</u> pipi Juana, dan Juana menahan nafasnya.” (m/s 113)

Walau bagaimanapun, penterjemah juga melakukan kesilapan dalam mentransformasikan teks sumber kepada BSS. Misalnya jadual 4 dibawah:

Jadual 4

BS	Terjemahan BM
a) “Kino had wondered often at <u>the iron in his patient</u> . Fragile wife”. (p. 12)	“Kino seringkali takjub akan <u>kesabaran membesi isterinya</u> yang lembut itu”. (m/s 9)
b) “The cats <u>took their prey there</u> ”. (p. 109)	“Kucing <u>membawa mangsanya</u> ke sana”. (m/s 108)

Seorang penterjemah berhak menambah atau mengurangkan sesuatu, asalkan tindakannya

itu tidak merosakkan maksud sebenar sesuatu karya. Tegasnya, sesuatu tambahan itu boleh dilakukan untuk menerangkan sesuatu dalam karya asli dan pengurangan boleh terjadi jika sesuatu keterangan dalam karya asal berulang-ulang sehingga terjemahannya kelihatan berlebihan. Kaedah dinamik sering digunakan oleh penterjemah untuk membangkitkan gambaran yang lebih hidup dan jelas. Misalnya:

“In Kino’s head there was a song now, clear and soft.” (p. 4)

“Pada saat itu dalam kepala Kino ada sebuah lagu, **berkumandang** jelas serta lembut.” (m/s 2)

Contoh 6

“He **lowered** his blanket from his nose now.” (p. 6)

“Kini **diturunkannya** selimutnya daripada hidungnya.” (m/s 5)

Contoh 7

Untuk contoh berikut ini, penterjemah perlu mempunyai pengetahuan mendalam terhadap perbendaharaan kata BI. Sebagai contoh:

“He stood over her, **looking down**, but the light was very dim.” (p. 48)

“Ia berdiri di belakang Juana, memandang ke bawah, tetapi cahaya sangat suram.” (m/s 5)

Contoh 8

Penterjemah turut mengaplikasikan kaedah perluasan yang membawa kepada sinonim kolokasi seperti dalam jadual 5:

Selain itu, unsur yang jarang digunakan dalam bidang penterjemahan ialah unsur pengurangan. Penterjemah dibenarkan membuang kata yang tidak sesuai sekiranya makna petikan dalam karya asal tidak berubah. Justeru, sebarang bentuk terjemahan yang berubah daripada konteks semantiknya merupakan satu tindakan yang melanggar prinsip penterjemahan.

Jadual 5

BS	Terjemahan BM	Sinonim
a) “Kino’s hand leaped to catch it” (p. 10)	“Tangan Kino menjangkau hendak menangkap” (m/s 7)	Capai
b) “The star still shone and the day had drawn only a pale wash of light in the lower sky to the east” (p. 3)	“Bintang-bintang masih berkelip dan subuh baru membayangkan cahaya pucat di ufuk timur” (m/s)	Sinar, sinaran, pancaran, nur, sorotan, pendar, kirana, cerlang. Dalam konteks (wajah): Seri, sinar, sinaran, kejernihan. Dalam konteks (permata): Kilauan, kerlapapan, gemerlapan
c) “ Near the brush fence two roosters bowed and feinted at each other with squared wings and neck feathers ruffed out” (p. 6)	“ Dekat pagar belukar itu dua ekor ayam jantan sedang pura-pura berlaga, sayapnya mengembang dan bulu lehernya meremang-remang” (m/s 5)	Hampir (sebelah, di sisi, dempang, di samping) Menjelang (sebentar lagi, sekejap lagi), Dalam konteks (saudara): Rapat, erat, kuat, mesra, rapik (adjektif).
d) “The dawn came quickly now, a wash, a glow, a lightness, and then an explosion of fire as the sun arose out of the gulf” (p. 5)	“ Siang menjelang dengan cepatnya, sekilas warna, berpijar-pijar, sebayang cahaya, dan kemudian satu cetusan api ketika matahari muncul dari Teluk itu” (m/s 3)	Matahari terbit (cura, terang, fajar menyinsing) Siang-siang (lebih awal, cepat, lekas)

Jadual 6

BS	Terjemahan BM	Sinonim
Shawl	Selendang	Tudung, kelubung, kelumbung, mafela, sal, syaf, selempang, sampur, sabur

Komponen Sinonim dalam Kebudayaan Bahasa Sasaran

Sebaiknya, penterjemah perlu membuat kajian secara rinci, di samping berpengetahuan luas dalam bidang penterjemahan, khususnya penterjemahan karya kesusasteraan yang memiliki gaya bahasa yang tersendiri. Sebagai contoh, berikut ialah ayat yang dipetik daripada karya asal dan ayat terjemahan BM:

“*The town lay on a bread estuary, its old yellow plastered buildings hugging the beach.*” (p. 20)

“Kota itu terletak di pangkuan kuala yang lebar, bangunan-bangunan tua yang kuning lepanya merangkul pantai.” (m/s 17)

Contoh 9

Berdasarkan jadual 6, kata nama yang diterjemahkan memiliki beberapa padanan yang boleh disesuaikan mengikut konteks ayat dan budaya. Dalam karya ini, pengkaji telah mengenal pasti perkataan dalam karya asal dan versi terjemahan. Antaranya ialah:

Demikian halnya juga dengan ayat berikut:

“*He would not come.*”

“*Ia tentu tak datang.*” (m/s 9).

Contoh 10

Analisis Perbincangan

Komponen Sinonim dalam Struktur Kata

Daripada contoh dalam jadual 1, terjemahan karya ini ke dalam bahasa Melayu menampakkan kelemahan dari segi perbendaharaan kata. “*Chord*” ialah istilah muzik yang bermaksud perpaduan yang harmonis daripada bunyi yang mempunyai nada berbeda-beda serta dibunyikan serentak. Kamus Dewan (2010) memberikan definisi tentang bunyi yang dikeluarkan oleh

manusia, benda dan lain-lain yang begitu umum sifatnya.

Hal ini jelas membuktikan bahawa unsur leksikal dalam terjemahan novel *The Pearl* ke dalam BM tidak bersesuaian dengan konteks sebenar leksikal BI. Hal ini disebabkan oleh tiada perbendaharaan kata chord BI yang sesuai diterjemahkan ke dalam BM. Pemilihan perbendaharaan kata yang sesuai penting dalam proses penterjemahan karya sastera.

Sebagai contoh, kata “*chord*” ialah istilah muzik yang bermaksud perpaduan yang harmonis daripada bunyi yang mempunyai nada yang berbeda-beda serta dibunyikan serentak. Kata “suara” dalam bahasa Melayu sangat umum pengertiannya. Berdasarkan terjemahan kata “*chord*” ke dalam bahasa Indonesia, kata “akkor” yang digunakan tidak diambil daripada “*chord*” tetapi daripada BB “*accord*”. Oleh sebab BM dan bahasa Indonesia tidak mempunyai istilah bagi kata “*chord*”, maka tidak salah jika “akkor” digunakan oleh sebab kata itu dapat menyampaikan maksud dan gambaran yang sebenarnya daripada karya asli berbanding dengan kata “suara”.

Seterusnya, contoh (b) “*variety*” yang diterjemahkan sebagai selang-seli dalam karya *The Pearl* versi BM membawa makna berbeza daripada makna yang hendak disampaikan pengarang asal. “*Variety*” boleh didefinisikan sebagai:

“*The characteristic of often changing and being different*”

When preparing meals, you need to think about variety and taste as well as nutritional value.

(Cambridge Dictionaries Online)

Menurut Kamus Dwibahasa Oxford (2000), “*variety*” bermaksud kepelbagaian sama ada ragam dan bentuk. “*Variety*” juga boleh

digunakan untuk menunjukkan ciri yang mudah berubah dan kelainan. Berdasarkan Kamus Dewan (2010), selang-seli didefinisikan sebagai berganti-ganti, celah mencelah, sela-menyelesa dan terus menerus. Daripada beberapa definisi yang dikenal pasti, selang-seli yang digunakan sebagai terjemahan BM membawa makna yang berlainan daripada "*variety*", mengikut definisi kata itu dalam BI. Perbendaharaan kata yang sesuai digandingkan dengan selang-seli ialah kepelbagaian. Namun begitu, kedua-dua leksikal ini tidak membawa kesinoniman antara satu sama lain. Pemilihan leksikal yang berlainan daripada makna asal karya *The Pearl* dapat dielakkan sekiranya perbendaharaan kata BM lengkap dan pelbagai pada masa terjemahan ini dilakukan.

Komponen Sinonim dalam Konteks Pentafsiran Ayat

Berdasarkan contoh 1 (dalam dapatan kajian), jelas bahawa terjemahan "*excited*" ke dalam BM, iaitu "teruja" dilihat mengikut konteks situasi dan emosi. Penggunaan kata adjektif teruja dalam terjemahan BM adalah bertepatan dengan makna sinonim "kegembiraan" yang terdiri daripada kata dasar gembira. Hal ini kerana seseorang yang "*excited*" itu tidak semestinya gembira sahaja bahkan mungkin sahaja mengalami rasa gugup, gelisah dan perasaan yang bercampur baur. Rasa "*excited*" juga timbul oleh sebab sesuatu hal, bukan sahaja gembira malah mungkin sahaja berasa takjub, marah dan sedih. "Teruja" dalam terjemahan BM menepati keseluruhan semua sifat-sifat tersebut.

Daripada konsep sinonim pula, pengertian gembira itu sudah termaktub dalam kata "*happy*" dan "*joy*", oleh sebab itu, kata tersebut tidak perlu diulang lagi dalam kata "*excited*". Kesinoniman kata teruja yang digunakan dalam karya terjemahan BM menepati makna karya asal bahkan perkataan tersebut mengandungi pelbagai makna adjektif sinonim seperti yang telah disebut di atas. Walau bagaimanapun, teruja boleh sahaja wujud dalam konteks perasaan yang negatif, seperti duka, lara, dan sebagainya.

Pada keseluruhannya, terjemahan tersebut tidak menyimpang daripada jalan cerita yang asli. Walaupun demikian, aktiviti penterjemahan karya sastera daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran tidaklah mudah. Oleh sebab itu, tidak menghairankan jika masih terdapat penyimpangan makna yang disebabkan oleh penggunaan kata yang tidak padan dengan konteks ayat.

Seterusnya, jika dilihat pada jadual 2 (a), kata "*frantically*" diterjemahkan kepada kebingungan. Kebingungan diambil daripada kata adjektif bingung. Binaan ayat yang menggunakan imbuhan kebingungan bermakna semut itu berada dalam keadaan bingung. Apabila dikenal pasti dari sudut sinonimnya, bingung berdiri sebaris dengan keliru. Petikan terjemahan BM di atas setelah difahami maksudnya secara halus ialah "semut kelabu yang keliru itu berusaha mencari jalan keluar daripada lubang pasir itu".

Namun begitu, penambahan imbuhan ke-...-an bagi kata "keliru" tidak sesuai bagi petikan (a). Penggunaan kata keliru di atas membawa makna yang sama dengan kebingungan, namun kedua-duanya dibezakan dengan binaan ayat yang mudah dan tidak melankolik. Oleh sebab itu, terjemahan BM yang asal lebih melankolik dan memenuhi konsep terjemahan teks kesusasteraan. Hal ini menunjukkan bahawa penterjemah mempunyai pengetahuan yang luas dalam penghasilan karya kesusasteraan sehingga bijak memilih perkataan yang sesuai dengan leksikografi BM.

Begitu juga dengan contoh (b) di atas, kata adjektif "panas" menunjukkan keadaan yang boleh dirasai pancaindera manusia. Panas menjelaskan suhu keadaan, sebagai contoh, matahari yang terik, berbahang, berkuap, bekuan cerah atau terang. Berdasarkan konsep sinonim, panas mempunyai makna yang seerti dengan hangat. Jika dilihat daripada konsep semantik, penggunaan leksikal panas juga boleh membawa makna kiasan. Dalam konteks kiasan, panas bersinonim dengan sangat marah, berang, membara, naik darah, menggelegak dan mendidih. Hal ini disebut sinonim yang wujud

berdasarkan gaya yang pelbagai. Gaya bahasa boleh diubah mengikut konteks. Penterjemah memilih kata sesuai untuk menjelaskan keadaan “kuih jagung yang panas itu” mengikut konsep konteks dan situasi.

Berdasarkan contoh 2 pula, terjemahan tidak menyimpang jauh dari teks asal. Hal ini kerana terjemahan sebegini dibuat untuk menutupi sesuatu kata yang tidak sopan dan tidak menunjukkan budaya Melayu. Perkataan gugur (*abortion*) dalam BM digantikan dengan “gagal” yang dianggap lebih sesuai dan sopan. Penterjemahan sebegini dibenarkan asalkan tidak mengubah bentuk dan makna dalam karya asal. “*Clumsy*” bersinonim dengan “*gawky*”, “*clunky*”, “*ungainly*” dan “*unwieldy*” yang membawa maksud canggung. Canggung membawa makna seerti dengan kekok.

Selain itu, contoh 3 menunjukkan “*The laughing Coyotito*” diterjemahkan sebagai “Coyotito yang sedang ketawa” dalam BM. Terjemahan tersebut adalah tepat bagi petikan dalam BS. Penterjemah BM menterjemahkan petikan tersebut dengan menggunakan pendekatan terjemahan literal yang mendukung makna asal petikan. Kata sinonim bagi “ketawa” ialah “gelak”. Kedua-dua leksikal itu berdiri dengan kata penguat yang membawa unsur penekanan. “Ketawa dekah” dan “gelak ingkak” membawa makna yang sama, iaitu “kuat-kuat”. Kesinoniman kata majmuk tersebut memungkinan kedua-duanya digunakan dalam terjemahan ke dalam BM. Tetapi alangkah baiknya jika petikan tersebut diterjemahkan sebagai, “dan pada saat itu, Coyotito ketawa dan menyentak tali gantungannya...”.

Tafsiran yang menyimpang daripada pengertian petikan asal disebabkan kelemahan penterjemah dalam menguasai tatabahasa sumber sehingga timbulnya penyimpangan makna yang ketara dalam setiap terjemahannya. Oleh itu, penterjemah harus bijak menutup kelemahan tersebut dengan menggunakan perkataan sesuai, di samping menterjemahkan petikan menggunakan kaedah dan pendekatan yang betul.

Kesinoniman perbendaharaan kata BM merupakan kelebihan bagi penterjemah dalam memilih leksikal yang sesuai dengan konteks. Jika terjemahan harfiah digunakan, ayat terjemahan adalah seperti, “mereka tahu akan pengguguran kekoknya”. Pengertian yang berlainan berisiko akan mengubah makna asal yang hendak disampaikan oleh pengarang. Oleh itu, penterjemah yang menguasai konsep sinonim boleh menterjemah ayat dan mengubah perkataan berdasarkan kesinoniman kata itu asalkan maksud ayat tidak berubah sama sekali daripada petikan asal.

Komponen Sinonim dalam Kaedah Penterjemahan

Dalam contoh 4 (dapatan kajian) di atas, kiasan “*oily smooth*” yang diterjemahkan menjadi “tenang seperti minyak” berdasarkan kaedah transformasi daripada kiasan BI “*as smooth as oil*” yang dianggap wajar. Pengarang mengumpamakan “air laut yang tenang” dengan “minyak” sebagai kata yang membawa makna kiasan seerti, iaitu “tenang”. Gambaran pengarang tersebut tepat kerana minyak ialah unsur alam yang likat dan tepu berbanding cecair lain. Cecair tepu (padat) berbentuk likat dan molekulnya yang padu tidak bercampur dengan molekul cecair lain.

Unsur seperti ini yang digunakan pengarang untuk menyamakan “air laut yang tidak bergelora” dengan molekul minyak yang tepu dan bersepadu. Perbandingan kiasan “*oily smooth*” dengan “*icy cold*” dalam ayat “*The water was icy cold*” ialah cara berkesan untuk mengenal pasti makna dan pengertian yang lebih tepat dan bersesuaian dengan petikan asal. Maksud ayat itu ialah “*The water was as cold as ice*” dan apabila diterjemahkan ke dalam BM menjadi “Air itu dingin seperti ais”.

Demikian juga contoh 5 di atas yang mana terdapat ungkapan “*crunched hollowly*” dalam BS. Kata “mengerkah” dianggap sebagai “*sound symbolism*” yang menggambarkan bunyi yang kasar dan menggertak. Pemilihan kata ini tepat dan memberikan kesan yang sama dengan ungkapan asal. Kata (to) “*crunch*”

dan “mengerkah” membayangkan perbuatan yang kasar sedangkan “*hollow*” dan “*relung*” mendukung makna cengkung, berlubang, dan sebagainya. Hal ini tepat hubungannya dengan leher seseorang yang sedang dikerkah.

Dalam jadual 3(a) pula, Steinbeck dalam BS menerangkan bahawa Kino yang minum sepeci *Pulque* itu menggelengkan kepala untuk tujuan mengusir kegelapan daripada kehidupannya. Abdullah Hussein menterjemahkan petikan tersebut dengan perkataan yang sesuai dengan makna asal yang cuba disampaikan Steinbeck. “Hilang” (menghilangkan) bersinonim dengan lenyap. Penterjemah menggandingkan kata tersebut dengan kata sifat “gelap”, yang bersinonim dengan kelam, legam dan legap. Akan tetapi, leksikal tersebut berfungsi mengikut konteks ayat. “Kelam” digandingkan dengan “malam”, manakala “legam” bermaksud sangat “hitam”. Begitu juga dengan “legap” yang menerangkan unsur warna hitam.

Pengarang asal cuba memberikan gambaran tentang kehidupan Kino dan Juana serta Coyotito yang “gelap”, iaitu penuh pancaroba, liku-liku, dan dugaan yang tiada henti dialami mereka setelah berjaya menemukan mutiara yang menjadi rebutan masyarakat itu. Penggunaan kiasan dalam terjemahan sangat menarik dan mampu membuat pembaca berfikir serta mengembangkan minda. Penterjemah BM dilihat sudah menguasai sepenuhnya tatabahasa dan teknik sastera dengan baik, walaupun masih terdapat beberapa kesalahan kecil yang tidak dapat dielakkan penterjemah. Hal ini mungkin kerana kekurangan perbendaharaan dalam BM yang mendorong penterjemah melakukan kesilapan mudah seperti itu.

Berdasarkan jadual 4 (a), terjemahan dalam BM, iaitu bahawa “Kino takjub dan sabar akan sifat membesi isterinya yang lembut itu” lari daripada makna petikan dalam karya asal. “Kesabaran membesi” yang dimaksudkan oleh penterjemah membawa maksud berbeza mengikut konteks ayat. Steinbeck memberikan pengertian bahawa “Kino sentiasa takjub dengan sifat membesi isterinya yang sabar dan lembut itu”. Juana, iaitu isteri Kino digambarkan

pengarang sebagai wanita kuat yang penuh kesabaran dan kelembutan. Dia sentiasa ada di samping Kino dalam susah ataupun senang.

“Besi” yang mempunyai sifat seperti “logam” apabila dilihat dalam petikan membawa maksud kuat dan lasak. Sifat tersebut digambarkan oleh pengarang ada dalam diri Juana. Kesilapan penterjemah BM mentafsir petikan (a) sebegini tidak seharusnya dilakukan kerana dapat mengelirukan dan memberikan pengertian yang salah terhadap pembaca.

Hal yang sama juga terdapat dalam jadual 4(b). Ungkapan “*to take prey*” bermaksud “mengambil sebagai mangsa” atau “memperoleh mangsa”. Penterjemah menterjemahkannya sebagai “membawa mangsa”, meskipun “*to take*” dalam bahasa Inggeris bererti “membawa” yang jelas lari daripada konteks sebenar ayat. “Bawa” dan “peroleh” bukanlah makna seerti bahkan definisi kedua-duanya leksikal berbeza sama sekali.

Konsep sinonim dalam bidang terjemahan memerlukan pengetahuan meluas penterjemah dalam perbendaharaan kata bahasa sasaran. Pemilihan leksikal yang bersesuaian dengan ayat dapat mengelakkan kesalahan tatabahasa, seperti ayat lewah sehingga menimbulkan dua makna yang berlainan. Penterjemah yang menguasai konsep sinonim berupaya menghindari kesalahan tatabahasa dalam aspek kelewahan ayat.

Sementara itu, contoh 6 di atas memperlihatkan bahawa pengertian “berkumandang” itu ialah tambahan daripada penterjemah untuk menghidupkan suatu pengertian yang agak tersembunyi dalam karya asal. Jika ayat tersebut diterjemahkan tanpa “berkumandang”, maka gambaran mungkin lesu dan kurang beremosi. Dari segi konsep sinonim, “berkumandang” boleh disamakan dengan “mengalun”. Akan tetapi sekiranya “mengalun” digunakan dalam terjemahan di atas, maka secara tidak langsung, akan menampakkan unsur lewah dalam ayat. “Mengalun” digunakan untuk menjelaskan tinggi atau rendah sesuatu irama.

Berdasarkan contoh 7 teks sumber, maksud yang hendak disampaikan pengarang ialah seseorang sengaja menurunkan selimut daripada hidungnya. Menurut terjemahan BM pula, selimut itu diturunkan oleh gerak tangan seseorang. Penterjemahan sebegini cukup menjelaskan bahawa pengetahuan luas yang dimiliki penterjemah dalam memilih perbendaharaan dan padanan kata yang bersesuaian dengan konsep sinonim dalam bidang penterjemahan. Sebagai contoh, padanan kata “diturunkan” dalam terjemahan BM memiliki banyak kesinoniman mengikut konteks dan situasi.

“Turun” ialah perbuatan yang bersinonim dengan “dari atas ke bawah”. Dalam pada itu, untuk menggambarkan keadaan “matahari turun”, kata yang bersinonim dengannya ialah jatuh, terbenam, menggelincir, melincir, dan sebagainya. “Lower atau lowered” dalam BI boleh didefinisikan sebagai “to move something into low position”. Oleh itu, pemilihan leksikal “diturunkan” dalam petikan di atas bersesuaian dengan konteks yang menunjukkan perbuatan seseorang melakukan sesuatu dan sama sekali tidak mengubah makna dalam petikan asal.

Penterjemahan yang baik ialah apabila sesuatu terjemahan itu tidak mengubah makna asal karya daripada bahasa sumber (BS). Kesilapan sering berlaku disebabkan oleh penterjemah tidak menekankan konsep sinonim dalam proses terjemahan sekali gus mengakibatkan proses padanan kata tergendala. Tanggapan tentang penggunaan “looking down” dalam contoh 8 teks sumber di atas mempunyai makna yang berbeda-beda mengikut konteks. “Looking down” seakan bahasa kiasan “to look down” yang bermaksud “memandang rendah” keupayaan dan kebolehan seseorang itu. Walau bagaimanapun, dari segi definisi literalnya, “looking” bermaksud melihat atau memandang.

Kaedah penterjemahan harafiah memungkinkan terjemahan seperti itu berlaku. Hal ini jelas menunjukkan bahawa terjemahan berkualiti perlu disertakan dengan kebijaksanaan penterjemah dalam memadankan kata mengikut konteks ayat. Keseluruhan konteks ayat di atas memberikan gambaran yang salah sekiranya

penterjemah mentafsirnya dengan “memandang rendah”. Hal ini kerana keseluruhan konteks ayat sama sekali tidak menggambarkan keupayaan dan kebolehan seseorang, tetapi hanya menjelaskan keadaan dua watak yang berada pada waktu dan tempat yang sama.

Dalam jadual 5 (dapatan kajian) di atas, penterjemah menggunakan kaedah perluasan. Misalnya, contoh (a) menunjukkan terjemahan yang menepati konteks dan makna teks asal. “Leaped” berasal dari kata “leap” yang bermaksud perlakuan yang ditunjukkan seseorang sama ada melalui lompatan, lantunan atau gerakan secara drastik, kuat dan tiba-tiba. Walaupun terjemahan literal “Kino’s hand leaped” ke dalam BM menjadi “Tangan Kino bergerak kuat” menggambarkan perlakuan watak, namun makna perlakuan hasil terjemahan sebegini itu dianggap berlebihan (*overtranslation*) dari makna teks asal. Oleh itu, terjemahan “Tangan Kino menjangkau” adalah tepat kerana “jangkau” itu menggambarkan perlakuan sebenar watak ketika cuba menangkap sesuatu melalui jangkauan tangan. Kaedah sebegini biasanya digunakan oleh seseorang penterjemah yang kreatif dan pandai menggunakan perbendaharaan kata yang sesuai sehingga tidak mencacatkan makna sebenar dalam sesebuah petikan karya asal. Sebaliknya, penggunaan unsur penambahan dan peluasan yang berlebihan juga mampu menjejaskan struktur tatabahasa sasaran dan membawa konotasi berlainan daripada tafsiran pengarang asal.

Komponen Sinonim dalam Kebudayaan Bahasa Sasaran

Penterjemahan karya ini ke dalam BM dapat dilihat dari segi kebudayaan dan latar belakang penterjemah. Penterjemah BM menterjemah contoh 9 menggunakan kaedah penterjemahan harfiah dengan tidak mengurangi sedikit pun kata dan makna petikan asal. Beliau lebih senang mengikuti jalan fikiran John Steinbeck dan tidak membuang mana-mana perkataan dengan sewenang-wenangnya. Berdasarkan konsep sinonim pula, “lepa” (campuran simen

dan pasir serta kapur untuk menurap) bersinonim dengan lapisan dinding. Namun begitu, “lepa” merupakan kata nama yang jarang digunakan dalam lisan dan penulisan. Penterjemah memilih kata tersebut yang bersifat ringkas dan tunggal serta memenuhi gaya bahasa dalam penulisan karya sastera Melayu.

Dalam contoh 10, terjemahan BM, kata “tentu” digunakan yang membawa unsur penekanan. “Tentu” merupakan kata tugas yang mempunyai makna seerti dengan pasti (tetap, tegas, mesti, tidak boleh tidak, positif). Selain itu, “tentu” juga bersinonim dengan jelas, iaitu nyata, terang, ketara, sah, sah, benar, betul, tidak syak lagi, tidak ragu-ragu lagi, dan sebagainya. Bahkan, sinonim bagi “tentu” boleh terdiri daripada serangkai kata “tidak boleh tidak”, nescaya dan wajib. Sebahagian padanan kata tersebut dikelompokkan mengikut konteks yang sama, iaitu menjadi unsur penekan dalam sesuatu ayat.

Dalam bidang penterjemahan, penterjemah boleh menyusun kelompok kata mengikut padanan yang bersesuaian dengan konteks kebudayaan. Teks terjemahan “*The Pearl*” BM memasukkan unsur kebudayaan Melayu dengan cara mengubah kata sapaan dan kata ganti nama diri yang digunakan oleh Kino dan Juana dalam karya tersebut. Kata ganti nama diri “I” dan “You” daripada petikan BS digantikan dengan “saya” dan “abang” dalam panggilan untuk Juana dan Kino. “Saya” lebih sinonim dan sopan penggunaannya berbanding dengan kata ganti nama diri “aku”.

Bukan itu sahaja, malah penterjemah bijak memilih kata sapaan yang bersifat akrab dan mesra, seperti “abang” berbanding kata “kau” yang tidak sinonim konteksnya dengan situasi Kino dan Juana sebagai pasangan suami isteri. Unsur sebegini dalam terjemahan karya sangat penting untuk memastikan bahawa karya terjemahan disesuaikan dengan budaya dan adat yang amat dititikberatkan di negara Asia Tenggara khususnya.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, keberkesanan penterjemah (Abdullah Hussein) dalam menterjemah *The Pearl* telah membuktikan bahawa penting bagi penterjemah mengetahui dengan mendalam kedua-dua elemen utama, iaitu bahasa sumber dan bahasa sasaran. Dalam konteks tatabahasa, pengetahuan morfologi, sintaksis dan perbendaharaan kata kedua-dua bahasa sumber dan bahasa sasaran dalam proses terjemahan karya sastera perlu diambil kira untuk menghasilkan karya terjemahan yang mantap dan meyakinkan. Dalam konteks ini, penterjemah telah mengaplikasikan komponen sinonim dalam struktur kata, konteks pentafsiran ayat, kaedah penterjemahan, dan budaya bahasa sumber dan bahasa sasaran.

Proses terjemahan ini akan lebih berkesan apabila diadunkan dengan pengalaman luas penterjemah terhadap kebudayaan bahasa sumber dan bahasa sasaran. Bahkan, dalam keadaan tertentu, beberapa perkataan asal dikekalkan untuk menjamin idea atau buah fikiran pengarang asal dapat dilestarikan. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa perkara yang boleh diperbaiki supaya karya terjemahan ini menjadi lebih bermutu dan bermanfaat untuk kegunaan semua pihak.

Rujukan

- Abdullah Hussein. (1962). *Mutiara – Terjemahan “The Pearl”*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Ainon Mohd *et al.*, (2006). *Teori dan Teknik Terjemahan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing.
- Asmah Hj. Omar. (1978). *Persidangan Penterjemahan Antarabangsa*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Asmah Hj. Omar. (1994). *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj Omar. (2008). *Nahu Kemas Kini: Panduan Bahasa Yang Baik dan Betul*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing.

- Bell, Allan. (1991). *The Language of News Media*. Oxford: Blackwell.
- Catford, John C. (1965). *A Linguistic Theory of Translation: An Essay on Applied Linguistics*. London: Oxford University Press.
- Delisle, J. et al., (1995). *Translators Through History*. J. Benjamin Publishing Company.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Goh Sang Seong. (2007). *Kebolehterjemahan Aspek-aspek Budaya dalam Terjemahan “Shui Hui Zhuan.”* Tesis (PhD). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Louis, G. Kelly. (1964). *The True Interpreter: A History of Translation Theory and Toward a Science of Translating*. Leiden: Brill.
- Newmark, P. (1981). *Approaches to Translation*. Oxford: Pergamon Press.
- Nida, Eugene A. et al., (1982). *The Theory and Practice of Translation*. Leiden: E. J. Brill Archive.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (1992). *Semantik dan Pragmatik – Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Oxford Fajar: Advanced Learner’s English-Malay Dictionary*. (2000). Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Parera, Jose D. (2004). *Teori Semantik Edisi Kedua*. Jakarta: Penerbit Erlangga.
- Radiah Yusoff et al., (2009). *Penterjemahan Bahasa Cina <> Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Siti Hariti Sastryani. (2010). *Kajian Pendahuluan Inventori Penterjemahan Karya Sastra Perancis-Indonesia. Jurnal Terjemahan Alam dan Tamadun Melayu*.
- Steinbeck, John. (2005). “*Literature Component Form 5-The Pearl*”. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Verharr, J. W. M. (1978). *Pengantar Linguistik*. Yogyakarta: Gajah Mada University Press.